

Tarikh Dibaca: 12 OGOS 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“NIKMAT YANG DILUPAKAN”

***Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**





“NIKMAT YANG DILUPAKAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا^ق

إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ^١

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

¹ An-Nahl; 18



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi oleh Allah SWT, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT secara istiqamah dengan melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga dengan meningkatnya keimanan dan ketaqwaan itu, akan menjadi nilai tambah kepada diri kita untuk menjadi mukmin yang sejati.

Mimbar Jumaat ingin mengajak muslimin yang dirahmati Allah sekalian untuk menghayati khutbah bertajuk **"NIKMAT YANG DILUPAKAN"**.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Pada saat ini berapa ramai saudara kita yang sedang diuji kesakitan, tetapi kita masih dikurniakan kesihatan. Berapa ramai sahabat kita yang dihambat kesibukan dengan urusan dunia, tetapi kita masih ada masa yang terluang. Adakah kita menyedari nikmat yang Allah berikan sepanjang kehidupan ini? Bagaimana pula kita menghargai dan memanfaatkannya?

Sesungguhnya kita tidak mampu untuk menghitung nikmat yang Allah berikan kepada kita seperti kesihatan tubuh badan, kewarasan fikiran, ketenangan dan keamanan, harta kekayaan, pangkat dan kedudukan, zuriat keturunan, ilmu pengetahuan, hasil tanaman, binatang ternakan dan pastinya nikmat yang terbesar dan teragung ialah nikmat Islam dan Iman.

Firman Allah swt dalam surah Ibrahim ayat 34;



وَأَتَّكُمْ مِنْ كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ^ج وَإِنْ تَعُدُّوا
نِعْمَتَ اللَّهِ لَا تَحْصُوهَا^{قله} إِنَّ الْإِنْسَانَ لَظَلُومٌ
كَفَّارٌ ﴿٣٤﴾

"Dan Dia telah memberi kepada kamu sebahagian daripada segala yang kamu mohonkan kepada-Nya. Jika kamu menghitung nikmat Allah, nescaya tidaklah dapat kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat zalim (menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya) lagi sangat kufur (tidak mensyukuri nikmat Tuhannya)."

Betapa banyaknya nikmat yang dikecapi setiap saat, lantas Allah SWT melontarkan persoalan-Nya sebanyak 31 kali dalam surah ar-Rahman iaitu;

فَبِأَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمَْا تُكَذِّبَانِ

"Maka, nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu hendak dustakan (Wahai umat manusia dan jin)?"

Adakah kita mempunyai jawapannya?

Mimbar ingin berpesan, janganlah sesekali kita mendustai nikmat yang telah dan sedang dianugerahkan, tetapi ingat!, nikmat itu merupakan ujian Allah untuk menilai prestasi keimanan dan ketaqwaan seseorang hamba kepada Pencipta-Nya.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,



Apakah nikmat yang sering meleakakan malah dilupakan oleh manusia?
Hadis daripada Ibnu Abbas RAnhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

نَعْمَتَانِ مَغْبُونٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ الصِّحَّةُ
وَالْفَرَاغُ

"Ada dua jenis nikmat yang banyak meleakakan manusia, iaitu **nikmat sihat dan masa lapang**".

(Riwayat al-Bukhari).

Berdasarkan hadis tersebut, bagaimana amalan kita sepanjang 365 hari atau 8760 jam atau 525,600 minit yang berlalu setiap tahun? Adakah kita memanfaatkan nikmat sihat dan masa lapang dengan betul?

Nikmat sihat dan masa lapang berkait antara satu sama lain. Ramai manusia yang tertipu dan terpedaya dengan kedua-dua nikmat tersebut. Seseorang yang sihat bertenaga belum tentu mempunyai masa lapang kerana disibukan dengan urusan dunia sehingga terlupa bekalan untuk akhirat. Begitu juga seseorang yang mempunyai masa, memiliki harta, tetapi tidak mampu berbuat apa-apa kerana telah tidak bertenaga.

Nikmat sihat yang diberi, perlulah disyukuri dan dijaga dengan baik supaya kita boleh terus beribadah. Kita dituntut mengamalkan gaya hidup secara sihat sebagaimana yang ditonjolkan oleh Baginda Rasulullah saw. Kita hendaklah mencegah segala bentuk penyakit yang berpunca daripada pemakanan, persekitaran, emosi serta tidak mencampakkan diri dalam kebinasaan seperti ketagihan merokok dan vape, ketagihan arak, penyalahgunaan dadah dan ketagihan amalan seks bebas.



Bagaimana Islam akan maju dan cemerlang jika ramai umatnya yang tidak sihat dan terjebak ke dalam perkara-perkara negatif tersebut?

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Begitu juga dengan ruang dan peluang dimasa lapang wajar dimanfaatkan sebaiknya. Kita perlu merancang kehidupan agar setiap degupan jantung, denyutan nadi dan hembusan nafas, dimanfaatkan untuk berbakti kepada agama-Nya, tanpa membiarkan seminit pun berlalu dengan sia-sia, apatah lagi menghabiskan masa sihatnya untuk melakukan maksiat.

Justeru itu, generasi muda dinasihatkan supaya tidak terlibat dengan aktiviti yang memudharatkan dan membawa kepada kebinasaan, kehancuran serta kemusnahan masa hadapan kalian. Ayuh! Jadikan masa muda anda dapat mencontohi semangat juang pemuda sehebat Usamah bin Zaid yang memimpin tentera Islam memerangi tentera Rom pada usia 18 tahun, Muhamad al-Fateh yang memimpin tentera Islam menakluki Konstantinopel pada usia 21 tahun dan ramai lagi yang boleh diteladani bagaimana mereka memanfaatkan usia dan masa muda mereka.

Tidak kira siapa kita, sama ada pemimpin, ahli profesional, pekerja, ibubapa, pelajar, kita adalah khalifah di atas muka bumi ini yang telah diamanahkan oleh Allah untuk melaksanakan urusan agamaNya mengikut keupayaan setiap individu. Kita perlu menilai prestasi diri terhadap aktiviti yang dilaksanakan setiap masa dan berazam untuk memastikan hari ini lebih baik daripada semalam selagi nikmat masih dikurniakan oleh Allah.

Mimbar juga ingin mengingatkan supaya kita tidak bertanggung dalam urusan kerja kebaikan seperti mendirikan solat, menunaikan zakat, bertaubat dan lain-lain kerana kita tidak mengetahui apa yang akan berlaku sesaat dihadapan. Allah SWT berfirman dalam surah ali Imran ayat 133;



﴿ وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا
السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴾

"Dan bersegeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga yang luasnya seluas langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang bertaqwa;"

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Ingatlah! Allah tidak pernah lupa memberikan nikmat-Nya, tetapi kita hanya menyedari tatkala segala-galanya hilang. Kita hanya menghargai usia muda, tatkala dimamah usia tua; Kita hanya merasai hebatnya sihat, ketika diuji kesakitan; Kita hanya menghargai masa lapang, bilamana dihimpit kesibukan; Kita merasai indahnya berharta, bilamana tiada apa-apa; Dan akhirnya, kita merayu kepada Allah untuk dihidupkan kembali di atas dunia tatkala ajal telah menjemput kita. Tetapi sayang, semuanya telah terlambat.

Semuanya itu adalah penyesalan yang tidak membawa apa-apa makna. Ibn Mas'ud berkata yang bermaksud; "Tiada yang aku kesalkan dalam sehari ketika terbenamnya matahari selain daripada umur aku menjadi pendek, sedangkan amalan aku tidak bertambah".

Mengakhiri khutbah kali ini, marilah kita mengambil pengajaran seperti berikut;

1. Umat Islam hendaklah meyakini dan menyedari bahawa kehidupan kita semata-mata bergantung kepada nikmat dan rahmat Allah SWT.



2. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa kehidupan dunia adalah sementara dan apa yang akan dibawa di hadapan Allah SWT adalah amal-amalan yang diredhainya.
3. Umat Islam hendaklah memanfaatkan setiap nikmat dan masa yang diberikan oleh Allah SWT untuk melaksanakan amal-amal soleh bagi memajukan agama, bangsa dan Negara.
4. Umat Islam janganlah menunggu hingga lewat usia untuk melaksanakan perintah Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ
لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

"Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya). Hendaklah setiap diri memerhatikan apa yang dia telah sediakan (daripada amal-amalnya) untuk hari esok (hari Akhirat) dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Amat Menyeluruh Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan".

(al-Hasyr ; 18).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrim yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ



الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين عبد
العزیز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ
وَالْتَوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيَ عَهْدِ
سَلَاغُورَ، تَعَكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ
الدِّينِ ادريس شاه الحاج في أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

**
JAIS/Nurul
01.08.2016